distinction made, at all events in words, between setting aside and variation, can carry no restriction upon the meaning of 'variation' beyond showing that it refers to a change in some part of the award. Probably it is enough to say that to vary the terms of the award is to change them in part whether by addition, by excision, by modification or by substitution or by qualification or otherwise.' *R* v *Tonkin, ex p Federated Ship Painters' Union* [1954] ALR 777, per cur, at p 779.

In the context used in s 36(5), I think the word 'vary' should be given its ordinary meaning, which is to 'change, alter, modify, add to or subtract from.'

Section 36(5) of the Act gives a wide discretion to the High Court to vary an order already made under s 36(2) of the Act. The only thing that the court has to consider in making or refusing to make, an order under s 36(5) is whether in all the circumstances, the order is or is not 'in the best interest of the profession'.

The period of pupillage is to enable a pupil to receive instructions from, and training by his master, and that includes exposing him to the experience of appearing and conducting cases on behalf of his master in open court in the magistrates' courts after a period of three months' pupillage.

At the moment, effective from 1 January 1991 for reasons already stated, the magistrates' courts hear only criminal cases and civil cases in small claims courts. A pupil is allowed after three months' pupillage to appear and conduct criminal cases on behalf of his master in open court in the magistrates' courts. The procedures to be followed in any criminal proceeding or trial in the courts are not the same as those applicable in a civil proceeding. Can it then be said that at the end of his pupillage, a pupil has received all the necessary training to enable him to be a fit and proper person to be called to the bar and admitted as a full-fledged advocate and solicitor of the High Court unless it can be shown that he has also had the experience of conducting civil cases in open court while he was still a pupil? Is it in the best interest of the legal profession to admit a person who has had no experience while a pupil in conducting civil cases in any open court hearing?

Unless the application is allowed, chambering pupils will not be afforded the opportunity of appearing and conducting civil cases in open court in the subordinate courts which experience is very necessary in preparing them to become full-fledged advocates and solicitors of the High Court. It is, therefore, in the best interest of the legal profession that chambering pupils be given the experience of gaining practical knowledge in the conduct of civil suits while in training before being called to the Bar.

But for the prevailing circumstances, chambering pupils would have been able to appear and conduct hearings of civil suits in open court in the magistrates' courts. Now civil suits where the value of the subject matter does not exceed $25,000 which can be filed and heard in the magistrates' courts are filed and heard in the sessions courts. I think it is fair and reasonable that in allowing the application I also make the order that after the period of three months' pupillage, the pupil Encik Vazeer Alam Mydin Meera may appear in open court in the sessions courts to conduct on behalf of his master, civil cases whose value or subject matter does not exceed $25,000.

Application allowed.

Solicitors: *Shafee & Co; Zain & Co; Skrine & Co.*

Reported by *Neoh Lay Choo*

MUI Bank Bhd lwn Raju

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERKARA BANKRAP NO D2-29-13116-89
SITI NORMA YAAKOB H
27 OKTOBER 1990

Kebankrapan — Notis kebankrapan — Bantahan bahawa perintah untuk melanjutkan masa diberi selepas notis kebankrapan sudah luput — Sama ada notis kebankrapan boleh diketepikan — Akta Kebankrapan 1967, s 93(4) — Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969, k 96

Pemiutang telah mengeluarkan notis kebankrapan pada 24 November 1989 dan hendaklah menyerahnya kepada penghutang dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis berkenaan dikeluarkan, iaitu 24 Februari 1990, menurut k 96, Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969. Pemiutang gagal menyerah notis kepada penghutang dalam tempoh tiga bulan yang dihadkan itu dan satu permohonan dibuat untuk melanjutkan masa bagi membolehkannya menyerah notis itu kepada penghutang. Perintah melanjutkan tempoh notis selama sembilan bulan telahpun diperolehi pada 1 Mac 1990.

Penghutang telah mempertikaikan perintah melanjutkan masa oleh kerana pada 1 Mac 1990, notis kebankrapan telah luput. Oleh itu, permohonan dibuat olehnya untuk mengetepikan notis kebankrapan itu. Penghutang juga memohon kebenaran untuknya memfailkan afidavit membantah notis kebankrapan.

Diputuskan, menolak permohonan penghutang:

(1) Walaupun permohonan melanjutkan masa dibuat selepas notis kebankrapan telah luput, faktor ini tidak menjejas bidang kuasa mahkamah untuk membenarkan permohonan tersebut kerana s 93(4) Akta Kebankrapan 1967 telah memperuntukkan bahawa di mana dalam Akta tersebut atau pun dalam kaedah-kaedahnya masa untuk melakukan sesuatu dihadkan, mahkamah mempunyai budibicara, sebelum atau selepas luputnya masa berkenaan, untuk melanjutkan masa.

(2) Kaedah 96 hanya menentukan masa notis kebankrapan hendak diserahkan kepada penghutang iaitu dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis berkenaan tetapi tidak pula menetapkan tempoh notis berkenaan boleh dilanjutkan.

(3) Mahkamah mendapati bahawa kebenaran bagi penghutang untuk memfailkan afidavit membantah notis kebankrapan tidak perlu oleh kerana tiada terdapat bukti bahawa per-

intah penyerahan ganti yang diperolehi pada 1 Mac 1990 telah pun disempurnakan.

[English summary

The creditor issued a bankruptcy notice on 24 November 1989 and had to serve it on the debtor within three months from the date the said notice was issued, that is, 24 February 1990, pursuant to r 96 of the Bankruptcy Rules 1969. The creditor failed to serve the notice on the debtor within the limited time of three months and an application was made to extend the time to enable it to serve the said notice on the debtor. The order to extend the period of the notice for nine months had been obtained on 1 March 1990.

The debtor disputed the order extending the time because on 1 March 1990, the bankruptcy notice had already expired. Therefore, an application was made by him to set aside the said bankruptcy notice. The debtor also applied for leave to enable him to file an affidavit to oppose the bankruptcy notice.

Held, dismissing the debtor's application:

(1) Although the application to extend the time was made after the bankruptcy notice has expired, this factor did not affect the court's discretion to allow the said application because s 93(4) of the Bankruptcy Act 1967 had provided that, where by the said Act or by general rules the time for doing any act or thing is limited, the court may extend the time, either before or after the expiration thereof, upon such terms, if any, as to the court seems fit.

(2) Rule 96 only fixed the period within which the bankruptcy notice had to be served on the debtor, that is within three months from the date of the said notice, but did not fix the period within which the said notice must be extended.

(3) The court finds that leave for the debtor to file an affidavit to oppose the bankruptcy notice is not necessary as there was no evidence that the order for substituted service obtained on 1 March 1990 had already been effected.]

Undang-undang rujukan
Akta Kebankrapan 1967 s 93(4)
Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 k 96

R Rajasingam bagi pihak penghutang.
Ratnasingam bagi pihak pemiutang.

Cur Adv Vult

Siti Norma Yaakob H: Penghutang dalam tindakan kebankrapan ini telah memohon untuk mengetepikan notis kebankrapan bertarikh 24 November 1989 atas dua alasan iaitu:

(1) Permohonan untuk melanjutkan masa telah dibuat selepas notis kebankrapan luput.
(2) Tempoh melanjutkan masa yang diperolehi adalah diluar daripada peruntukan undang-undang dan bercanggah dengan k 96, Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969.

Pemiutang telah mengeluarkan notis kebankrapan pada 24 November 1989. Mengikut k 96, notis tersebut hendaklah diserahkan kepada penghutang dalam tempoh tiga bulan notis berkenaan dikeluarkan. Ini bermakna bahawa pemiutang ada masa hingga 24 Februari 1990 untuk menyerahkan notis kebankrapan kepada penghutang dan selepas tarikh berkenaan, notis kebankrapan hanya dapat diserahkan dengan mendapatkan perintah mahkamah untuk melanjutkan masa.

Pemiutang gagal untuk menyerahkan notis kepada penghutang dalam tempoh tiga bulan yang dihadkan oleh k 96 dan oleh yang demikian, satu permohonan telah dibuat untuk melanjutkan masa bagi membolehkan pemiutang menyerahkan notis kebankrapan kepada penghutang. Perintah melanjutkan tempoh notis selama sembilan bulan telah pun diperolehi pada 1 Mac 1990.

Penghutang telah mempertikaikan perintah melanjutkan masa oleh kerana pada 1 Mac 1990, notis kebankrapan telah pun luput. Ini memang benar tetapi faktor ini tidak menjejas bidang kuasa mahkamah untuk membenarkan permohonan melanjutkan masa oleh kerana s 93(4) Akta Kebankrapan 1967 telah memperuntukkan bahawa di mana dalam Akta tersebut atau pun dalam kaedah-kaedahnya masa untuk melakukan sesuatu dihadkan, mahkamah mempunyai budibicara, sebelum atau selepas luputnya masa berkenaan, untuk melanjutkan masa. Oleh kerana mahkamah mempunyai kuasa untuk membenarkan permohonan pemiutang untuk melanjutkan masa pada 1 Mac 1990, saya berpendapat bantahan penghutang atas perkara ini adalah tidak munasabah.

Kaedah 96 hanya menentukan masa notis kebankrapan hendak diserahkan kepada penghutang iaitu dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis berkenaan dikeluarkan. Kaedah ini tidak pula menetapkan tempoh masa notis berkenaan boleh dilanjutkan. Oleh yang demikian, bantahan penghutang bahawa notis kebankrapan tidak boleh dilanjutkan lebih daripada tiga bulan seperti dinyatakan oleh k 96 juga tidak boleh diterima.

Penghutang juga memohon supaya beliau diberi kebenaran untuk memfailkan afidavit membantah notis kebankrapan. Saya dapati kebenaran ini tidak perlu oleh kerana tiada terdapat bukti yang menunjukkan bahawa perintah penyerahan ganti yang diperolehi pada 1 Mac 1990 telah pun disempurnakan. Mengikut perintah tersebut notis kebankrapan serta salinan perintah penyerahan ganti hendaklah disiarkan sekali di dalam akhbar *The Star* dan saya dapati tiada afidavit difailkan yang menunjukkan bahawa arahan ini telah pun dipatuhi. Oleh yang demikian, mahkamah tidak dapat menentukan bilakah sepatutnya tempoh 14 hari mula diambil kira mengikut perintah penyerahan ganti.

Memandangkan kepada sebab-sebab yang telah dihuraikan diatas, saya telah menolak permohonan penghutang bertarikh 11 Mei 1990 dengan kos.

Permohonan penghutang ditolak.

Peguamcara: *Jayaraman, Ong & Co; Sothi & Ang.*

Dilaporkan oleh *Neoh Lay Choo*